MENDULANG HIKMAH (SIRI 1)

RENUNGAN TAUBAT

NOTA BACA DARIPADA KITAB NUZHAT AL-MUTTAQIN SYARAH RIYADH AL-SOLIHIN

CATATAN

ABDUL HAKIM BIN OTHMAN

-SEMOGA ALLAH MENGAMPUNINYA DAN KEDUA IBU BAPANYA-

Kata Imam al-Nawawi:

“Taubat daripada segala dosa adalah suatu kewajipan.”

“3 Syarat Taubat jika tidak berkait dengan hak manusia:

1) Segera meninggalkan maksiat.

2) Menyesal atas perbuatan maksiat.

3) Berazam tidak akan mengulangi maksiat tersebut.”

“Jika maksiat berkait dengan hak manusia, maka mesti dikembalikan hak tersebut, jika harta, hendaklah dipulangkan, jika maruah, mesti dimohon kemaafan.”

“Jika bertaubat atas sebahagian dosa yang terlanjur dilakukan, maka masih berbaki dosa yang tidak dimohon keampunan daripada Allah.”

“Nabi ﷺ beristighfar 70 kali sehari, dalam hadith yang lain Nabi ﷺ menyebut bahawa baginda ﷺ beristighfar sebanyak 100 kali sehari.”

“Nabi ﷺ menunjukkan sebaik-baik contoh kepada ummatnya, sekalipun baginda ﷺ seorang yang maksum, diampuni dosa yang telah lalu dan dosa yang akan datang, tetapi baginda ﷺ tetap memperbanyakkan Istighfar.”

“Sentiasa bertaubat
dan beristighfar
akan
menghapuskan
dosa-dosa bagi
maksiat yang
mungkin tidak
disedari.”

“Kita dituntut untuk sentiasa bersegera bertaubat kepada Allah.. Jangan pernah berlengah dan bertangguh untuk bertaubat.”

“Antara tanda Rahmat Allah SWT kepada hambaNya adalah dengan Dia menerima dan bergembira dengan taubat hamba-hambaNya..”

“Rahmat dan pintu keampunan Allah sentiasa terbuka, tanpa terbatas dengan masa.. Bahkan Allah melebihkan sebahagian masa untuk menerima Taubat HambaNya.”

“Taubat akan sentiasa diterima oleh Allah SWT selagimana pintunya masih terbuka.. Dan tertutup pintu keampunan apabila Matahari terbit dari tempat terbenamnya.”

“Taubat akan terus diterima oleh Allah SWT selagimana Roh belum sampai ke Halkum.”

“Untuk bertaubat, jauhilah keadaan yang merosakkan, dan dampingilah para ahli Taqwa, ahli Ilmu dan para Solihin.”

“Berusaha dan tempuhilah kesukaran demi mendampingi para Solihin.”

“Beramallah
dengan amalan
orang Soleh,
sebagai tanda kita
benar-benar ingin
bertaubat.”

“Bersungguh-sungguhlah dalam bertaubat kepada Allah.”

“Antara sifat orang mukmin, dia berasa amat sakit dan menyesal atas ketelanjuran dosa yang dilakukan.”

“Bersungguh-sungguhlah membersihkan diri daripada dosa sekalipun terpaksa mengorbankan diri.. Demi bertemu dengan Allah dalam keadaan diredhai.”

“Hukuman Allah yang dilaksanakan di dunia akan menghapuskan dosa maksiat jika diiringi dengan penyesalan dan taubat.”

“Wajib bertaubat daripada dosa walaupun sebesar mana sekalipun dosa itu.”

“Jangan sesekali berputus asa daripada Rahmat Allah.”

23 April 2020

29 Sya’ban 1441